

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
(PADANG SERAI)**

SOALAN

TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [PADANG SERAI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan memperincikan permohonan warganegara dan Sijil Kelahiran mengikut kaum yang diterima bagi tahun 2019 dan 2020 dan berapa permohonan yang telah diluluskan dan masih lagi ditangguhkan sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tempoh dari tahun 2019 hingga 15 Oktober 2020, sebanyak 14,477 permohonan kewarganegaraan di bawah pelbagai Perkara Perlembagaan Persekutuan telah diterima. Daripada jumlah permohonan berkenaan, sebanyak 45 permohonan telah diluluskan dan 13,741 permohonan sedang diproses serta 691 permohonan telah dibatalkan kerana tidak memenuhi syarat.

Bagi tempoh yang sama, sebanyak 870,723 kelahiran di Malaysia telah didaftarkan dan direkodkan. Perincian rekod kelahiran berkenaan mengikut kaum adalah seperti mana berikut:

- a. Melayu : 568,570 orang;
- b. Cina : 98,342 orang;
- c. India : 37,866 orang;
- d. Etnik Sabah : 74,017 orang;
- e. Etnik Sarawak : 37,979 orang;
- f. Orang Asli Semenanjung : 8,882 orang; dan
- g. Lain-lain Kaum : 45,067 orang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN
RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
[PADANG SERAI]**

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** untuk bajet 2020 bagi sekolah SJK(T) RM50juta dan SJK(C) RM50juta. Adakah wang tersebut telah disalurkan dan berapa agihan peruntukkan yang diberikan kepada setiap sekolah. Senaraikan dan jika tidak, sila berikan penjelasan yang lengkap.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 29 November 2020, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyalurkan peruntukan penyelenggaraan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) sejumlah RM30.22 juta untuk 415 buah sekolah dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) sejumlah RM38.62 juta untuk 308 buah sekolah. Penyaluran dan penyelenggaraan bagi Sekolah Kerajaan adalah berdasarkan keperluan dan tahap kerosakan yang diselia oleh Jabatan Pendidikan Negeri. Manakala penyaluran sumbangan bantuan kepada Sekolah Bantuan Kerajaan adalah berdasarkan permohonan dan dokumen lengkap yang diterima oleh KPM.

Sekian.